

Dua pihak MCA setuju henti buat kenyataan

UM 15 APR 2002

Oleh ASUKI ABAS

SHAH ALAM 14 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kedua-dua pihak dalam MCA yang bertelagah bersejua untuk tidak mengeluarkan sebarang kenyataan mengenai parti itu demi mengelakkan keadaan menjadi bertambah buruk.

Perdana Menteri berkata, 'peraturan' itu dipersetujui oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek.

"Kenyataan saya ialah tidak akan ada kenyataan mengenai MCA akan dibuat oleh sesiapa termasuk saya sendiri," kata beliau yang turut bersetuju dengan keputusan tersebut.

Beliau menyatakan demi-

kian selepas menerima sumbangan daripada syarikat korporat bagi Pertandingan Golf Amal anjuran bersama Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu dan Yayasan Bestari Kuala Langat di Glenmarie Golf & Country Club di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas mengenai pertelagahan dalam MCA antara Kumpulan A yang diketuai Liong Sik dan Kumpulan B yang diterajui Ah Lek.

Semalam, Liong Sik mengesahkan Perdana Menteri yang juga Presiden Barisan Nasional menggariskan satu rancangan damai bagi menamatkan krisis MCA.

Rancangan itu dikatakan digariskan oleh Perdana Menteri dalam pertemuan-

nya dengan Liong Sik semalam.

Perdana Menteri ketika ditanya mengenai kandungan rancangan damai itu enggan mengumumkan hasil yang dicapai, sebaliknya cuma tersenyum dan menutup mulutnya dengan tangan.

Beliau, bagaimanapun, mengesahkan belum menemui Ah Lek untuk membincangkan perkara itu.

Dr. Mahathir juga mendedahkan diri semasa diminta mengulas laporan sebuah akhbar berbahasa Cina bahawa beliau mengarahkan Mesyuarat Agung Luar Biasa MCA yang akan dianjurkan oleh Kumpulan B pada 21 April ini dibatalkan.

"Saya berikrar untuk merahsiakannya dan mendedahkan diri," katanya.